

1. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Rafeah memohon cuti dari majikannya untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dari	daripada
B	untuk	demi
C	melanjutkan	menamatkan
D	ke	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Ayah membeli pisang goreng pada gerai Mak Cik Jah semasa dalam perjalanan pulang dari tempat kerjanya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	pisang goreng	goreng pisang
B	pada gerai	di gerai
C	semasa	selagi
D	dari	daripada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Setiap kanak-kanak yang berumur bawah 12 tahun akan diberikan sekeping tiket secara percuma masuk ke galeri seni dan sejarah tersebut.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Setiap	Setengah
B	bawah	di bawah
C	sekeping tiket	sebuah tiket
D	tiket secara percuma masuk	tiket masuk secara percuma

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

4. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

Pengawas yang bertugas ingat calon agar tidak bercakap ketika peperiksaan sedang dijalankan.

- ☐ A mengingatkan calon agar tidak bercakap
☐ B ingatkan calon kerana tidak bercakap
☐ C mengingati calon supaya tidak cakap
☐ D ingat calon agar tidak bercakap

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kamilia berharap agar penyakit demam denggi yang bapanya hidap akan segera sembuh.

	Kesalahan	Pembetulan
A	berharap	mengharap
B	agar	jika
C	yang bapanya hidap	yang dihidapi oleh bapanya
D	akan	dapat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pengambilan minuman yang mengandungi kandungan gula yang tinggi ialah tidak baik untuk kesihatan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Pengambilan	Mengambil
B	gula yang tinggi	gula tinggi
C	ialah	adalah
D	untuk	demi

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Budak lelaki itu dibawa di hospital oleh ayahnya kerana badannya melecur teruk akibat terkena minyak panas.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di	ke
B	oleh	dengan
C	kerana	sementara
D	terkena	mengenai

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

8. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Bekas pejuang negara itu menceritakan tentang pengalaman pahitnya semasa menentang komunis.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Bekas pejuang negara	Pejuang bekas negara
B	menceritakan tentang pengalaman	menceritakan pengalaman
C	semasa	setelah
D	menentang	bertentangan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Puan Tan sudah menerima sebarang berita daripada pihak polis tentang anaknya yang hilang itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sudah	belum
B	daripada	dari
C	tentang	akan
D	yang	bahawa

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

10. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Antara mereka bertiga, Balanlah yang paling kuat sekali berlari.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Antara	Di antara
B	mereka	dia
C	bertiga	bertiga-tiga
D	paling kuat sekali	paling kuat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Ayah mengumpulkan surat khabar-surat khabar lama di dalam stor sebelum menjualnya di pusat kitar semula.

	Kesalahan	Pembetulan
A	mengumpulkan	pengumpul
B	surat khabar-surat khabar	surat-surat khabar
C	sebelum	sementara
D	di	ke

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

12. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pengawal keselamatan itu berdiri di hadapan Kedai Emas Cahaya Permata sambil menyandang sebatang senapang.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di hadapan	di antara
B	Kedai Emas Cahaya Permata	Cahaya Permata Kedai Emas
C	sambil	ketika
D	sebatang	selaras

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

13. Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul dan mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B atau C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Lutut adik berdarah setelah terjatuh ketika bermain di kawasan belukar itu. Tiada kesalahan.

A B C D

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

14. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Bahan nota dalam buku ini lebih komprehensif dari bahan nota dalam buku terbitan syarikat lain.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dari	daripada
B	dalam buku	di dalam buku
C	terbitan	penerbitan
D	syarikat lain	syarikat lain-lain

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

15. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Hati Iskandar tidak senang selama urusan penjualan tanah sawah peninggalan arwah ayahnya itu belum selesai.

	Kesalahan	Pembetulan
A	tidak	bukan
B	selama	selagi
C	tanah sawah	sawah tanah
D	belum	sudah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

16. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Adriana menoleh ke kiri dan kanan sebelum melintas jalan raya yang sibuk itu untuk pergi ke kedai.

	Kesalahan	Pembetulan
A	ke kiri dan kanan	ke kiri dan ke kanan
B	sebelum	setelah
C	melintas	terlintas
D	untuk	demi

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Jalan-jalan raya di sekitar ibu kota Kuala Lumpur sesak sekali, terutamanya di waktu puncak.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Jalan-jalan raya	Jalan raya-jalan raya
B	di sekitar	disekitar
C	sesak sekali	sekali sesak
D	di	pada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

Sambutan murid-murid tentang kempen kitar semula yang diadakan di sekolah-sekolah amat baik.

- ☐ A Penyambut murid-murid bagi
☐ B Sambutan murid-murid terhadap
☐ C Sambutan semua murid-murid terhadap
☐ D Sambutan murid-murid tentang

19. *Pilih struktur ayat yang betul.*

- ☐ A Mendaftar di meja pendaftaran terlebih dahulu sebelum membuang undi.
- ☐ B Pemimpin yang baik secara bijak, betul dan cepat dapat membuat keputusan.
- ☐ C Pilihan raya kampus akan diadakan pada minggu depan Kolej Tun Sri Lanang.
- ☐ D Pengawas sekolah perlu memastikan setiap peraturan sekolah dipatuhi oleh semua murid.

20. *Pilih ayat-ayat yang betul.*

- I Udara yang kotor akan meningkatkan risiko kanser paru-paru.
- II Sampah yang bertaburan itu menarik kehadiran haiwan perosak.
- III Pokok-pokok balak yang berusia ratusan tahun di hutan itu besar-besar belaka.
- IV Banyak haiwan-haiwan yang mati dan kehilangan habitat akibat sikap tamak manusia.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja